

Faks : 237605

Tel : 088-252692

Bil : KEW.400-8/3 Klt.19/(181)

Tarikh : 23 Januari 2001



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua/Pegawai Daerah/Pegawai Daerah Kecil

### **PENARIKAN BALIK PEMBEKUAN KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pembekuan kemudahan tambang percuma yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1998 melalui surat Pekeliling Kementerian ini rujukan KEW.400-8/3/(49) bertarikh 6 Februari 1998 adalah ditarik balik mulai pada 1 Januari 2001. Keputusan untuk memulihkan kemudahan tambang percuma diambil dengan ketetapan-ketetapan baru seperti berikut:-

- a) Destinasi perjalanan adalah dihadkan dalam Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang telah diluluskan untuk mengumpulkan kelayakan boleh terus menggunakan kemudahan ini untuk perjalanan ke destinasi menurut pilihan sendiri.
- b) Mereka yang telah diberi kelulusan untuk mengumpulkan kelayakan kemudahan ini boleh memilih sama ada untuk meneruskan opsyen atau sebaliknya, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.
- c) Mereka yang memohon opsyen untuk pengumpulan kelayakan, perkiraan tambang perjalanan adalah dari Sabah/Kuala Lumpur/Sabah sahaja.
- d) Anak-anak yang boleh dibawa mengikut kelayakan suami atau isteri hendaklah berumur tidak lebih daripada 21 tahun yang belum berkahwin atau belum bekerja pada tarikh berlepas (**Perintah Am Negeri Sabah (Pindaan) 1990**)

Sementara itu, Kementerian/Jabatan Datuk/tuan/puan adalah diminta untuk mengemukakan senarai anggota-anggota yang masih layak kemudahan tersebut mengikut format dalam Lampiran A yang disertakan untuk rujukan dan tindakan sesuai Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"  
"JIMAT DAN PRODUKTIF"



**(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN J.P.)**  
Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri  
Tingkat 1-5  
Wisma Perindustrian  
Jalan Istiadat Likas  
88400 KOTA KINABALU

s.k. Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
KOTA KINABALU

s.k. Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara  
Cawangan Negeri Sabah  
Tingkat 6&7, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
KOTA KINABALU

SENARAI ANGGOTA-ANGGOTA YANG MASIH LAYAK KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA

Bil	Nama	Tempat yang dituju	Amaun (RM)	Catatan
<b>Jumlah</b>				